

# ABMS hasil kejayaan kolaborasi YP, UMP

KUANTAN - Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) yang dibangunkan sebagai salah satu usaha menghalang risiko jenayah rasuah berleluasa di kalangan masyarakat merupakan hasil kejayaan kolaborasi antara Yayasan Pahang (YP) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pengurus Besar YP, Datuk Mahmud Nawawi berkata, projek perintis berkenaan sudah dilaksanakan membabitkan kakitangan kerajaan syarikat milik kerajaan negeri.

Katanya, ia bagi memastikan mereka bersedia sekali gus memahami segala proses pelaksanaan yang sudah ditetapkan itu ke arah mengurangkan risiko rasuah.

"Sistem itu merupakan yang pertama di negara ini yang direka dan dibangunkan dengan kerjasama Institut Tadbir Urus Korporat (MIGC) telah menyediakan segala panduan untuk mengukur, mengesan, menghalang risiko rasuah, guna kuasa dan salah laku dalam kalangan pengurusan atasan, pelabur, warga kerja, pelanggan dan pihak-pihak berkaitan.

"Hasil daripada itu, YP, khususnya telah berpeluang

memahami tahap kesedaran berkaitan etika dan integriti di kalangan kakitangan dan persepsi mengenai fungsi sistem tersebut.

"Justeru itu, setiap agensi dan syarikat milik kerajaan menggunakan sistem ini bagi membantu kerajaan mengurangkan risiko dan menghapuskan rasuah," katanya.

Beliau berkata di majlis perasmian Persidangan Tadbir Urus dan Integriti anjuran YP dan UMP di sini, semalam.

Persidangan buat julung kalinya itu telah dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang turut melancarkan ABMS.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam pada itu, Daing Nasir berkata, inisiatif membangunkan ABMS dan Jurnal Urus Tadbir dan Integriti itu merupakan komitmen berterusan pihaknya.

Sementara itu, di persidangan tersebut, terdapat tiga forum dan perbahasan 40 kertas kerja berkaitan tadbir urus korporat dan integriti.